



اوتیورسیتی کیتسان ملیسیا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA  
Jabatan Bendahari



PEMENANG  
ANUGERAH KUALITI  
PERDANA MENTERI 2006

39

→ Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld.IX  
Tarikh : 31 Mei 2007

PEKELILING BENDAHARI BIL: 10/2007

Dekan / Pengarah / Ketua  
Fakulti / Pusat / Institut / Bahagian  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**TAKLIMAT, DEMONSTRASI DAN LATIHAN PERLAKSANAAN MODUL WEB MPIS**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan memaklumkan bahawa Unit Stor Pusat sedang menguruskan Borang Pesanan Stor Pusat daripada Fakulti/Jabatan dengan menggunakan **Sistem Modul Pengurusan Inventori Dan Stok (MPIS)** yang telah dibangunkan bersama dengan Pusat Komputer sejak tahun 2004.

Lanjutan daripada itu, semua permohonan barang-barang yang menggunakan Borang Pesanan Stor Pusat daripada Fakulti/Jabatan akan digantikan dengan pesanan melalui sistem Modul Web MPIS bermula pada **15 Jun 2007**. Untuk memastikan penggunaan pesanan melalui sistem Modul Web tersebut berjalan lancar Jabatan telah mengatur satu sesi taklimat, demonstrasi untuk pegawai dan kakitangan terlibat pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:

Tarikh : 11 Jun 2006  
Masa : 9.00 pagi  
Tempat : Bilik Senat

Sehubungan itu, sukacita dapat kiranya pihak YBhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan menghantar Pegawai dan Kakitangan Sokongan yang berkaitan dengan urusan permohonan barang-barang daripada Unit Stor Pusat untuk hadir ke sesi Taklimat tersebut. Sila kemukakan juga Nama dan Nombor Pekerja kakitangan yang terlibat ke Stor Pusat sebelum **11 Jun 2007**.

Sekian, diatas kerjasama dan perhatian Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam hal ini saya dahului dengan ucapan terima kasih.

Yang benar,

MOHD ABD. RASHID MOHD FADZIL  
Bendahari  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

S.k:

- Pengarah  
Pusat Komputer,  
UKM Bangi

/ai/C/Surat:Stor Pusat/Pekeliling Demo MPIS

Bahagian Perolehan, Bayaran, Stor Pusat & Zon JPP,  
Jabatan Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Telefon: 03-8921 5033/ 5339/ 4099/ 5137/ 5034/ 4251 Faksimili: 03-8921 5693 Laman web: [www.ukm.my](http://www.ukm.my)



MS ISO 9001 : 2000 REG. NO. AR 3243